

SIARAN MEDIA

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

MAJLIS APRESIASI ERAT PERKUKUH KOMITMEN INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI AGENCI PENGUATKUASAAN

UNTUK SIARAN SEGERA
25 MEI 2026

25 Mei, Putrajaya – Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) hari ini telah menganjurkan Majlis Apresiasi ERAT (*Encouraging Responsibility, Accountability and Trustworthiness*) di Dewan Damar Sari, Kompleks F, Putrajaya, bersempena ulang tahun ke-15 penubuhannya.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara, dan menghimpunkan hampir 350 tetamu yang terdiri daripada barisan kepimpinan tertinggi EAIC bersama agensi penguatkuasaan, agensi rakan strategik, badan bukan kerajaan (NGO) serta pengamal media.

Dalam ucapan beliau, Ketua Setiausaha Negara menegaskan pendirian tegas Kerajaan yang telah disuarakan oleh YAB Perdana Menteri kepada barisan kepimpinan agensi penguatkuasaan. Intipati amanat tersebut menunjukkan negara tidak lagi bertolak ansur dengan sebarang kelemahan yang membuka ruang kepada salah guna kuasa, ketirisan, atau amalan yang merosakkan integriti. Isu ketirisan, salah laku dan kelemahan tadbir urus tidak boleh lagi ditangani secara retorik, sebaliknya memerlukan tindakan nyata dan berkesan di semua peringkat pelaksanaan.

“Rakyat hari ini tidak lagi menilai pada kata-kata, tetapi pada pelaksanaan,” tegas beliau. Menurutnya lagi, ketegasan dalam tindakan adalah kunci untuk menoktahkan kelemahan yang menjejaskan integriti serta kepercayaan rakyat.

Dalam majlis tersebut, sebanyak 21 agensi penguatkuasaan seliaan EAIC telah menerima penghargaan apresiasi khas atas komitmen dalam memperkukuh integriti dan tadbir urus. Selain itu, 13 pengamal media turut diberi pengiktirafan atas peranan signifikan dalam memperluas liputan serta meningkatkan kesedaran awam berkaitan pencegahan salah laku dan pemerkasaan integriti negara.

PANDANGAN PENERUSI EAIC

Sementara itu, YBhg. Tan Sri Dr. Ismail Haji Bakar, Pengerusi EAIC berkata Majlis Apresiasi

ERAT bukan sekadar program penghargaan, tetapi satu manifestasi komitmen berterusan oleh semua ketua jabatan dalam memperkukuh budaya integriti dalam sektor penguatkuasaan.

Beliau menekankan prinsip '***justice delayed is justice denied***' untuk sentiasa menjadi pegangan utama dalam menterjemahkan amanah kepimpinan. Selepas 15 tahun penubuhan EAIC, agensi penguatkuasaan perlu menggalas tanggungjawab dengan akauntabiliti yang lebih tinggi dengan impak yang jelas. Setiap teguran, syor dan dapatan tidak berhenti sebagai laporan semata-mata, sebaliknya diterjemahkan kepada tindakan pembetulan yang nyata dan berkesan.

ERAT DAN PENDEKATAN SENI & BUDAYA

Majlis turut diserikan dengan pementasan teater mini-muzikal "AMANAH" oleh Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) yang mengangkat tema "*Amanah Dijulang, Integriti Dipegang*".

Pementasan ini menyampaikan mesej integriti melalui pendekatan kreatif yang menggambarkan realiti serta cabaran dalam kalangan ketua jabatan dan pelaksana dasar. Ia menekankan bahawa amanah dan kuasa perlu dilaksanakan dengan penuh bertanggungjawab, berakauntabiliti dan berintegriti, khususnya apabila berhadapan dengan tekanan dan cabaran dalam pelaksanaan tugas.

Kempen ERAT yang diperkenalkan sejak 2022 di seluruh negara ini merupakan platform EAIC dalam membudayakan nilai tanggungjawab, akauntabiliti dan kepercayaan merentas pelbagai lapisan masyarakat termasuk agensi penguatkuasaan, pelajar, media dan badan bukan kerajaan (NGO), termasuk melalui pendekatan seni dan budaya sebagai medium penyampaian mesej yang lebih inklusif dan berkesan.

KE ARAH TADBIR URUS AGENSI PENGUATKUASAAN LEBIH BERINTEGRITI

EAIC kekal komited dalam memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap institusi penguatkuasaan negara melalui kerjasama berterusan, pemantauan berkesan serta usaha membudayakan integriti dalam pelaksanaan tugas.

Matlamatnya yang jelas iaitu ke arah mempertingkatkan kecekapan, memperkukuh integriti, serta memulihkan keyakinan rakyat terhadap institusi awam secara menyeluruh menyokong Agenda Reformasi Pentadbiran Awam - ARPA yang sedang diperkasakan oleh Kerajaan.

Usaha ini turut menyokong aspirasi nasional dalam memperkukuh kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perception Index* - CPI), di samping meningkatkan kecekapan dan keberkesanan tadbir urus negara.

Secara amnya, pengantutan majlis ini mencerminkan kesepaduan antara institusi pemantau, agensi penguatkuasaan dan rakan strategik dalam memperkukuh tadbir urus berintegriti serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sistem penguatkuasaan negara.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Unit Komunikasi Korporat EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.